

**TEKS UCAPAN  
YBHG DATO' YANG DIPERTUA MPSP  
DI SESI PEMBENTANGAN PROJEK PENYERTAAN  
RAKYAT "PROJEK KITA"  
DI DEWAN ORANG RAMAI, PANGSA PPR AMPANGAN,  
AMPANG JAJAR, SPT  
13 NOVEMBER 2016 (AHAD), JAM 12.15 TENGAHARI**

---

**Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,  
Pembangunan Desa dan Kesihatan

**Yang Dihormati Puan Ong Bee Leng**

Ketua Pegawai Eksekutif, Penang Women's Development Corporation  
(PWDC)

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**YBhg. Encik Mohd Asri Bin Othman**

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Ampangan

**YBhg. Encik Badri Bin Bahador**

Penyelia Bangunan Tetuan Mutiara Properties

## **Ketua-ketua Jabatan serta pegawai-pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

## **Barisan AJK-AJK Persatuan Penduduk, Penduduk-penduduk Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar**

### **Rakan-rakan Media**

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Tengahari dan Salam Sejahtera,

1. Pertama sekali, bersyukur kepada Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk bersama-sama menghadiri Sesi Pembentangan Projek Penyertaan Rakyat "Projek Kita" di Pangsa PPR Ampangan pada hari ini.
2. Saya juga memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya hadir di majlis penutup program pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

3. MPSP telah bekerjasama dengan PWDC sejak tahun 2012 bagi menjayakan projek GRPB di sini. Di bawah Projek GRPB kita dapat lihat beberapa kejayaan seperti pembinaan taman rekreasi, kontrak komuniti kebersihan, siri pembangunan kapasiti komuniti dan pelbagai lagi program yang telah dimanfaatkan oleh komuniti di PPR Ampangan ini. Pangsa PPR ini sudah berubah wajah

disebabkan hubungan baik di antara penduduk dan MPSP di bawah projek GRPB yang dijalankan dengan kerjasama PWDC.

4. Pihak MPSP bersama PWDC terus mencuba untuk menjalankan pendekatan penyertaan rakyat dalam program dan aktiviti yang dijalankan di peringkat komuniti. Ini adalah salah satu cara menggalakkan penyertaan rakyat dalam proses membuat keputusan ke atas dana awam di peringkat Majlis.
5. Sebagai contoh, seperti program “Projek Kita” yang diadakan hari ini menggunakan kaedah bajet partisipatori yang menyediakan ruang kepada komuniti untuk merancang dan membentangkan cadangan program dan projek yang dapat memberi manfaat kepada komuniti dengan menggunakan jumlah bajet yang telah diperuntukkan iaitu sebanyak RM20,000.00. Walaupun jumlahnya tidak banyak akan tetapi ia sebagai pemangkin kepada pemberdayaan komuniti untuk menjalankan projek atau program yang diinginkan.
6. Saya difahamkan bahawa 7 kumpulan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang gender, umur dan etnik telah membentangkan cadangan mereka hari ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua kumpulan yang terlibat. Walaupun tidak semua kumpulan berjaya memperoleh peruntukan yang telah disediakan namun usaha anda pada hari ini bukan sia-sia. Ia boleh menjadi permulaan kepada sesuatu yang lebih baik. Cadangan anda mungkin boleh dimajukan kepada pemimpin tempatan atau badan bukan kerajaan ataupun badan swasta yang lain. Teruskan usaha dan jangan mudah putus asa.

7. Sehubungan dengan itu, saya harap projek seumpama ini dapat diteruskan oleh pemimpin tempatan yang lain dan juga dilaksanakan di peringkat komuniti sendiri melalui persatuan-persatuan yang sedia ada di sini mahupun di luar.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

8. Di kesempatan ini juga ingin saya menyentuh sedikit berkenaan tanggungjawab membayar sewa bulanan. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan semua sedia maklum, sewa bulanan bagi unit diduduki di sini adalah RM100 sebulan. Kutipan yang diterima sebanyak RM100 sebulan daripada setiap penyewa disalurkan sepenuhnya untuk penyelenggaraan dan pengurusan rumah pangsa ini. MPSP juga menambah peruntukan sendiri bagi menampung semua kos-kos penyelenggaraan dan pembaikan. Oleh itu, kerjasama tuan-tuan dan puan-puan diminta untuk membuat bayaran seperti yang termaktub dalam perjanjian sewaan bagi memastikan bangunan ini terurus dengan baik. Jika penyewa-penyewa gagal membuat bayaran sewa bulanan pada tarikh yang ditetapkan maka kutipan untuk menampung kos pengurusan dan penyelenggaraan akan berkurangan dan di masa-masa akan datang ia mungkin akan menjejaskan mutu penyelenggaraan bangunan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

9. Untuk makluman, MPSP menanggung perbelanjaan kira-kira RM30,000 sebulan untuk kos penyelenggaraan dan pengurusan Pangsa PPR Ampangan ini demi memberikan keselesaan dan kemudahan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kos ini

tidak termasuk kos-kos pembaikan bangunan jika berlaku kerosakan besar. Secara keseluruhannya sehingga 31 Oktober 2016, MPSP telah membelanjakan RM500,000.00 bagi tujuan pengurusan dan penyelenggaraan Pangsa PPR Ampangan.

10. MPSP sangat berharap tuan-tuan dan puan-puan bersama-sama menjaga Pangsa PPR Ampangan ini dengan sebaik-baiknya. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan melihat perbuatan merosakkan harta awam sama ada lif atau lain-lain peralatan awam, MPSP memohon tuan-tuan dan puan-puan sebagai penghuni Pangsa PPR Ampangan ini untuk melarang perbuatan tersebut dan memberi laporan terus kepada MPSP dan syarikat pengurusan supaya MPSP dan syarikat pengurusan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.
  
11. Selain itu, rekod tunggakan bayaran sewa rumah pangsa ini telah mencecah RM40,000. Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana adalah menjadi tanggungjawab setiap penyewa di sini untuk menjelaskan bayaran sewa mengikut jadual kerana kadar sewa yang dikenakan oleh MPSP amatlah rendah iaitu RM100 sebulan. Kadar sewa ini tidak pernah dinaikkan oleh MPSP sejak rumah pangsa ini mula dibuka untuk sewaan pada 1 Jun 2006. Adalah menjadi harapan MPSP supaya tuan-tuan dan puan-puan melunaskan bayaran sewa tepat pada masanya dan menjaga harta benda awam di rumah pangsa ini dengan sebaik mungkin bagi faedah bersama. Dengan cara ini, MPSP dapat menjimatkan kos kewangan dan para penduduk dapat terus menggunakan kemudahan-kemudahan awam yang disediakan di Pangsa PPR Ampangan ini dengan selesa, selamat dan sempurna. MPSP tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas kepada

penyewa-penyewa yang gagal melunaskan bayaran sewa termasuk mengambil tindakan perundangan dan melucut hak penyewaan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

12. Pada kesempatan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis penutup program "Projek Kita" dan seterusnya berharap dan sentiasa berdoa agar program yang positif seumpama ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang.

Sekian, Wabillahi taufiq wal-hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.